

'Asaskan karya ke alam budaya berciri Islam'

TELUK INTAN, Selasa — Penulis-penulis Islam hari ini disarankan supaya mengasaskan karya mereka kepada alam kebudayaan bangsa Melayu yang mempunyai ciri-ciri keIslaman, untuk memancarkan keagungan Islam di rantau ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi berkata, beliau yakin usaha itu, jika dapat dijayakan, akan menjadi sumbangan istimewa dari bangsa Melayu kepada pembangunan Islam seluruhnya.

Berucap menutup majlis pertemuan penulis-penulis Islam Se Malaysia di sini, beliau berkata, tugas mereka sebagai penyebar dan pembentuk pemikiran umat Islam di Malaysia adalah sangat pen-

ting.

"Apa yang dihasilkan oleh penulis-penulis Islam tentulah mempunyai pengaruh yang kuat dan dalam konteks inilah saya suka menyarankan supaya karya penulis-penulis Islam diasaskan kepada alam kebudayaan bangsa Melayu," katanya.

Datuk Abdullah berkata, tugas penulis hendaklah dipandukan dengan pengetahuan yang mendalam berhubung dengan kedudukan masyarakat Malaysia yang berbilang agama dan kebudayaan.

Penulis-penulis Islam mesti peka terhadap kedudukan ini dan faktor sejarah dalam pembangunan Malaysia.

Di samping itu, mere-

ka juga hendaklah memahami perlembagaan dan dasar-dasar kerajaan, terutama yang berhubung dengan pembangunan masyarakat, dan dengan itu mempunyai pengaruh yang besar kepada kehidupan dan pemikiran rakyat, hasil dari pelaksanaan dasar-dasar itu, umpamanya Dasar Pelajaran dan Dasar Ekonomi Baru.

Beliau berkata, nilai-nilai keIslaman tidak diasaskan kepada pertimbangan sama ada Arab atau Ajam, tetapi kepada nilai-nilai yang lebih universal dan tidak perkauman, iaitu sama ada maaruf atau munkar.

"Saya percaya pembangunan Islam di rantau ini boleh diasaskan kepada budaya rakyat rantau ini, iaitu budaya

Melayu Islam," ujarnya.

Menurut Datuk Abdullah, kekukuhan dan kestabilan politik dan ekonomi Malaysia, kemajuan orang Melayu Islam yang sedang meningkat dalam semua bidang, infrastruktur pembangunan seperti institusi-institusi pelajaran dan ekonomi sudah boleh digemblengkan untuk tujuan itu.

Istimewa

Beliau menegaskan, sejarah penyebaran ajaran Islam di rantau ini juga telah membuktikan bahawa bahasa Melayu mempunyai kemampuan yang tinggi sebagai media penyebaran Islam.

"Bahasa Melayu dianggap sebagai bahasa rujukan yang terpenting untuk penyelidikan mengenai hal-hal Islam, terutama di rantau ini.

"Berasaskan kepada kefahaman inilah saya yakin orang-orang Melayu sudah mempunyai kemampuan untuk membuat sumbangan yang besar dan istimewa ke arah pembangunan Islam seluruh dunia," tambahnya.